

Dr M ramal BN menang besar

Bekas Perdana Menteri sifatkan sekarang masa paling sesuai adakan pilihan raya

Menjelang

PILIHAN RAYA UMUM KE-12



Oleh Sazarina Shahrin

KUALA LUMPUR: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad yakin Barisan Nasional (BN) raampu meraih kemenangan besar pada pilihan raya umum akan datang.

Sambil menyifatkan sekarang adalah masa paling sesuai untuk me-

ngadakan pilihan raya, beliau berkata, keyakinan itu dibuat berdasarkan kepada beberapa faktor seperti keadaan ekonomi negara yang kukuh.

"Dulu masa saya Perdana Menteri, saya mengadakan pilihan raya apabila saya percaya boleh menang... kita tengok kerajaan boleh menang.

"Saya tidak tahu bila kerajaan akan umumkan (untuk mengadakan) pilihan raya tetapi bagi saya ini adalah masa yang sesuai kerana semua naik, barang naik, pasaran saham pun naik," katanya selepas me-

rasmikan cawangan kedai roti dan bakeri The Loaf di pusat beli-belah The Pavillion di sini, semalam.

Spekulasi pilihan raya akan diadakan pada masa terdekat semakin tersebar luas sejak kebelakangan ini terutama di media massa.

Semalam, Perdana Menteri yang juga Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, mengadakan taklimat kepada pemimpin peringkat bahagian dan ahli Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC).

Kelmarin, Dewan Tertinggi BN me-

ngadakan mesyuarat pertamanya tahun ini yang berlarutan lebih tiga jam, dikatakan turut berbincang mengenai persediaan menghadapi pilihan raya.

Bagaimanapun, sehingga ini Perdana Menteri terus berteka-teki mengenai tarikh pilihan raya umum di sebalik pelbagai pihak meramalkan kemungkinan Parlimen akan dibubarkan pada Mac depan.

Ditanya mengenai keadaan terbaru di Semenanjung Gaza, Palestin, Dr Mahathir, berkata, ia jelas menunjukkan kegagalan lawatan Presiden

Amerika Syarikat, George W Bush ke sana baru-baru ini.

"Kita tengok selepas lawatan Bush, bekalan elektrik terus disekat beberapa hari. Mereka masih terus membunuh penduduk yang tidak berdosa," katanya yang sedih mengenangkan nasib rakyat Palestin.

Baru-baru ini, Israel mengenakan sekatan dan menutup semua jalan menyeberangi sempadan antara Israel dengan wilayah Palestin di Gaza yang memburukkan lagi krisis kemanusiaan di kawasan itu.